




Ahli Kumpulan UEM 

# KOD TATAKELAKUAN CIMA UNTUK RAKAN PERNIAGAAN

# Bersama  
Kami Patuh  
*Together We Comply*

Etika | Integriti | Kebertanggungjawaban

# PENGENALAN



Menjadi warga korporat yang baik adalah nilai teras bagi Kumpulan CIMA dalam menjalankan perniagaan. Kami komited untuk menjalankan perniagaan dengan penuh beretika, mematuhi undang-undang dan bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Kami mengharapkan kesemua vendor, pembekal, kontraktor, perunding, ejen dan lain-lain rakan perniagaan (“Rakan Perniagaan”) dapat menghayati semangat, dan mendokong komitmen yang sama terhadap integriti dan tahap etika yang tinggi. Kesemua Rakan Perniagaan mestilah mematuhi Kod Tatakelakuan Rakan Perniagaan CIMA (“Kod Tatakelakuan”) ini.

Kod Tatakelakuan ini menggariskan aspirasi CIMA dalam berurusan dengan kesemua Rakan Perniagaan. Pematuhan sepenuhnya terhadap Kod Tatakelakuan ini adalah keperluan teras dalam setiap urusan bersama CIMA. Kegagalan untuk mematuhi Kod Tatakelakuan ini atau sebarang peruntukan undang-undang dan peraturan, adalah sebab yang mencukupi untuk CIMA menamatkan perkhidmatan mana-mana Rakan Perniagaan yang terlibat.

CIMA yakin bahawa hubungan perniagaan yang lestari mestilah berasaskan kepada integriti, kejujuran, kebertanggungjawaban dan kepatuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

*Lapan Prinsip*  
**KOD TATAKELAKUAN CIMA  
UNTUK RAKAN PERNIAGAAN**

## PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Rakan Perniagaan mesti memahami dan mematuhi semua undang-undang, garis panduan dan peraturan, termasuk undang-undang berkaitan anti-rasuah, persaingan, kesihatan & keselamatan pekerjaan, perlindungan data & privasi dan sebarang undang-undang yang termaktub dalam dokumen ini atau yang berkaitan dengan perniagaan mereka di seluruh dunia.

Rakan Perniagaan mesti mematuhi semua undang-undang berkaitan sumber manusia, pekerjaan dan hak asasi manusia, termasuk, tetapi tidak terhad kepada, gaji minimum, umur pekerjaan minimum dan waktu kerja maksimum.

## BERTINDAK DENGAN INTEGRITI

Rakan Perniagaan akan melaksanakan urusan dengan integriti, hormat-menghormati dan kepercayaan.

Oleh yang demikian, Rakan Perniagaan akan:

- Bertindak secara beretika dan telus dalam semua urusan perniagaan.
- Tidak sesekali menawar, memberi, menjanji, meminta atau meluluskan sebarang bentuk rasuah, hadiah, yuran, ganjaran, kelebihan, atau sebarang nilai yang secara langsung atau tidak langsung kepada pegawai kerajaan, organisasi persendirian atau entiti untuk mendapatkan kelebihan atau mempengaruhi secara negatif satu-satu tindakan atau keputusan.
- Tidak akan membayar “wang pelicin” / komisen (*facilitation payment*), sama ada secara langsung atau tidak.
- Memastikan semua sub-kontraktor, konsultan dan anggota gabungan yang digunakan dalam urusan dengan CIMA untuk mematuhi Kod Tatakelakuan ini dan tidak terlibat dan tidak akan terlibat dalam perlakuan yang melanggar undang-undang.
- Mesti mengemaskini akaun dan rekod berkaitan dengan urusan di CIMA secara menyeluruh dan tepat, termasuk dokumen sokongan yang mematuhi prinsip, undang-undang dan peraturan perakaunan.
- Mesti bertindak menurut undang-undang dan bertanggungjawab apabila menggunakan media sosial.

## PRINSIP

# 3

## **SENTIASA BERTANGGUNGJAWAB**

Rakan Perniagaan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap servis yang ditawarkan dan produk yang dibekalkan, serta meningkatkan servis mereka dari masa ke semasa berdasarkan komitmen yang termaktub dalam perjanjian dengan CIMA.

## PRINSIP

# 4

## **ELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN**

Rakan Perniagaan yang mempunyai konflik kepentingan mesti mengisytiharkan kepada CIMA, walaupun selepas dilantik sebagai vendor CIMA.

Rakan Perniagaan juga mesti mengambil tindakan pro-aktif sebaik sahaja konflik kepentingan ini disedari.

Sekiranya ada keraguan, sila berhubung dengan Ketua Jabatan Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan CIMA.

## MENGHORMATI KERAHSIAAN

Rakan Perniagaan menghormati harta intelektual, rahsia perniagaan dan maklumat sulit, eksklusif dan sensitif kepunyaan CIMA.

Rakan Perniagaan tidak dibenarkan untuk mendedahkan maklumat ini kepada pihak lain. Penggunaan data CIMA secara sewenang-wenangnya adalah dilarang.

Rakan Perniagaan mesti mematuhi semua undang-undang berkaitan hak privasi dan perlindungan data serta melaksanakan polisi dan kawalan untuk memastikan hak privasi data persendirian dilindungi.

# PRINSIP 6

## MENYEDIAKAN PERSEKITARAN KERJA YANG SELAMAT

Rakan Perniagaan mesti menyediakan tempat kerja yang sihat dan selamat untuk pekerja mereka dan mematuhi semua undang-undang, peraturan dan piawaian kesihatan & keselamatan pekerjaan, termasuk peraturan keselamatan di semua premis atau lapangan kerja CIMA.

Sesiapa yang menyediakan perkhidmatan di premis atau lapangan kerja CIMA juga dimestikan untuk mematuhi peraturan kesihatan & keselamatan pekerjaan CIMA.



## BUDAYA KERJA SIHAT

Rakan Perniagaan dan pekerja mereka mestilah tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah atau alkohol di premis CIMA.

Bahan-bahan terlarang tidak dibenarkan, sama ada dibawa masuk, digunakan, dijual, dibeli atau apa jua cara, di premis CIMA.

Tingkahtlaku kasar atau sebarang gangguan seperti penggunaan bahasa kesat, perlakuan yang boleh menyebabkan pergaduhan adalah tidak dibenarkan sama sekali.

## LARANGAN TERHADAP SEBARANG BENTUK HADIAH / LAYANAN BAIK

Rakan Perniagaan tidak boleh menawarkan rasuah, sogokan, pertukaran barang / servis, wang tunai atau apa jua imbuhan kepada pekerja CIMA dan/atau keluarga mereka untuk mendapatkan atau meneruskan urusan perniagaan dengan CIMA.

Rakan Perniagaan mesti melaporkan kepada CIMA sekiranya ada pekerja CIMA atau rakan perniagaan yang meminta imbuhan atau apa jua bentuk hadiah atau pemberian.

CIMA melaksanakan “Polisi Tiada Hadiah” dan kami mengharapkan Rakan Perniagaan juga menghormati polisi berkenaan.

# PEMATUHAN KOD TATAKELAKUAN

Semua Rakan Perniagaan diminta untuk membaca dan memahami Kod Tatakelakuan ini. Sekiranya terdapat persoalan, sila berhubung dengan Ketua Jabatan Tadbir Urus, Risiko dan Pematuhan CIMA.

Rakan Perniagaan mesti mengadaptasi piawaian yang terdapat dalam Kod Tatakelakuan ini dalam kerja mereka dengan pihak CIMA, dan bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan sendiri (*self-monitoring*) untuk pematuhan terhadap Kod Tatakelakuan ini.

Rakan Perniagaan hendaklah pro-aktif dalam menerapkan semua prinsip yang digariskan dalam Kod Tatakelakuan ini kepada pembekal dan rakan perniagaan mereka.

Sekiranya terdapat pelanggaran / ketidakpatuhan terhadap Kod Tatakelakuan ini, Rakan Perniagaan hendaklah menghubungi Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko, Lembaga Pengarah CIMA dengan segera.

Semua Rakan Perniagaan dikehendaki untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam sebarang penyiasatan, dengan memberikan akses yang sepatutnya kepada rekod perniagaan, dokumen, sumber manusia dan kemudahan berkaitan dengan CIMA.

Rakan Perniagaan yang didapati melanggar Kod Tatakelakuan ini, atau sebarang undang-undang dan peraturan akan berhadapan risiko ditamatkan perkhidmatan dan juga daripada memperolehi peluang perniagaan dengan CIMA di masa hadapan.

CIMA berhak untuk memantau pematuhan semua Rakan Perniagaan terhadap Kod Tatakelakuan ini. Proses pemantauan ini boleh dilaksanakan dengan pengumpulan awal maklumat berkenaan Kod Tatakelakuan, soal selidik atau apa-apa cara yang difikirkan bersesuaian.

# MENYUARAKAN KEBIMBANGAN

Rakan Perniagaan adalah bertanggungjawab untuk melaporkan kepada CIMA sebarang perlakuan, termasuk perlakuan pegawai CIMA, yang diyakini - dengan suci hati - sah, ketara atau berpotensi melanggar Kod Tatakelakuan atau polisi atau sebarang undang-undang dan peraturan.

Sekiranya terdapat persoalan atau keraguan mengenai pematuhan, atau isu etika ketika berurusan dengan CIMA, atau berhasrat untuk melaporkan sebarang kejadian yang melanggar undang-undang, atau aktiviti yang tidak beretika, sila hubungi CIMA secara sulit menerusi saluran-saluran seperti yang dinyatakan di bawah:



Sistem Laporan Atas Talian (online) melalui **Secured Postbox**,

Welcome to Secured Postbox



Emel kepada [whistleblower@cima.com.my](mailto:whistleblower@cima.com.my)



Secara bertulis kepada **Pengerusi Jawatankuasa Audit & Risiko, Lembaga Pengarah CIMA**, sama ada menerusi emel kepada [arc.chairman@cima.com.my](mailto:arc.chairman@cima.com.my) atau melalui surat yang dihantar melalui **Setiausaha Syarikat**

Identiti Rakan Perniagaan yang membuat aduan dan butiran aduan akan dirahsiakan. Sekiranya ia perlu didedahkan, perkara ini akan dibincangkan terlebih dahulu dengan Rakan Perniagaan yang membuat aduan tersebut.

CIMA tidak akan bertolak ansur terhadap sebarang tindakan balas dendam atau ugutan yang dilakukan oleh pegawai CIMA atau Rakan Perniagaan, terhadap Rakan Perniagaan yang membuat aduan dengan suci hati.